

KELAS ROTI CANAI ANJURAN BAKAT PU SUBANG

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3978-kelas-roti-canai-anjuran-bakat-pu-subang

SUBANG, 7 Okt 18 – Kelas Membuat Roti Canai telah diadakan di Dewan Ababil, PU Subang selama 2 hari mulai 6 hingga 7 Okt 18. Aktiviti yang telah dianjurkan oleh Biro Resepsi dan Sajian BAKAT PU Subang ini telah disertai oleh 29 anggota BAKAT pangkalan dan juga 9 pegawai serta anggota PU Subang termasuk Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM.

Jurulatih masakan yang dijemput khas pada kali ini adalah 2 orang "Demi Chef" dari Hotel Swiss Garden, Beach Resort Spa Damai Laut iaitu Cik Farah Nursalwani bt Md Tarmizi dan Cik Sufiana bt Abd Latif.

Acara ini turut disertai oleh Pengerusi BAKAT Pangkalan, Datin Hjh Siti Norlela binti Alwi dan Mantan Pengerusi BAKAT Pangkalan, Datin Hjh Siti Azanah binti Mohd Diah.



